

24 FEB 2003

NAM-WTO/I

CONCEPCION:NEGARA MEMBANGUN MESTI BERMESYUARAT SEBELUM MESYUARAT CANCUN

PETALING JAYA, 24 Feb (Bernama) -- Bekas Menteri Perdagangan dan Industri Filipina Jose Concepcion mencadangkan menteri-menteri perdagangan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) menghadiri satu mesyuarat dua hari sebelum mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Cancun, Mexico dalam bulan Sept tahun ini.

Ini untuk membolehkan mereka membincangkan isu-isu berkaitan pembaharuan WTO supaya pusingan akan datang tidak merugikan negara-negara membangun, katanya.

Di dalam ucapan penuh bertenaga dan membuat rayuan beremosi di Forum Perniagaan NAM di sini hari ini, Concepcion berkata, terdapat keperluan untuk memberi keadilan di dalam badan beribupejabat di Geneva itu, yang telah sekian lama didominasi oleh negara-negara kaya yang telah menggariskan peraturan-peraturan perdagangan yang kebanyakannya merugikan Selatan.

Daripada 144 anggota WTO sehingga Jan, 2002, hanya 12 buah adalah daripada negara maju manakala 91 peratus negara membangun dan mundur (LDC).

Concepcion berkata, ramai pemimpin termasuk Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden Filipina Gloria Macapagal-Arroyo dan malah Perdana Menteri Kanada Jean Chretien telah menyatakan bahawa "globalisasi menjadikan negara kaya semakin beruntung dan merugikan lagi negara miskin."

Katanya, mesyuarat peringkat menteri Cancun akan menyaksikan penandatanganan perjanjian pertanian, salah satu perjanjian yang penting di mana negara-negara maju akan terus melindungi petani mereka dengan subsidi yang besar.

Sejak penandatanganan Perjanjian Marrakesh, yang memberi mandat kepada WTO untuk mengadakan empat persidangan peringkat menteri, menunjukkan negara-negara maju, apabila menghadapi masalah pengangguran, akan melindungi diri sendiri dengan menggunakan sekatan bukan tarif dan subsidi sambil memaksa negara membangun dan mundur (LCD) untuk membuka pasaran mereka, katanya.

Concepcion, bekas presiden yang lepas Dewan Perdagangan dan Industri Asean berkata demikian pada sesi panel "Menghubungkan jurang pembangunan, perniagaan dan digital -- bagaimana negara Selatan-Selatan dapat meluaskan kerjasama, urus tadbir global dan keupayaan menghadapi globalisasi."

Walaupun Persidangan Peringkat Menteri Doha telah menyediakan beberapa arah tuju yang tidak diselesaikan di mesyuarat Seattle, beliau berkata, banyak kerja masih perlu dilakukan kerana keperluan negara membangun masih belum diselesaikan.

Perisytiharan Peringkat Menteri Doha telah bersetuju bahawa WTO merundingkan perjanjian empat isu - pelaburan, persaingan, ketelusan di dalam perolehan kerajaan dan kelancaran perdagangan -- walaupun mendapat tentangan daripada sebahagian besar negara membangun dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan di seluruh dunia.

Concepcion berkata, Perisytiharan Doha tidak membuat kemajuan ketara mengatasi kebimbangan negara-negara membangun di segi pelaksanaan walaupun sesetengah pihak percaya persidangan Doha itu sebagai berjaya.

Menurutnya, selagi keperluan dunia membangun tidak diatasi dan ketidakseimbangan masih wujud, tidak akan ada keadilan dan penyelesaian berkekalan yang akan membentuk kestabilan dan keamanan dunia.

Concepcion juga berkata, Asean dan China perlu bekerja bersama untuk

mempengaruhi WTO di mesyuarat Cancun bagi kepentingan penduduk di sebelah sini.

Katanya, China dengan penduduk hampir 1.3 billion dan sebagai anggota WTO, mesti memperjuangkan kepentingan negara-negara membangun dan mundur (LCD).

China, katanya, perlu mengambil inisiatif untuk membentuk kek ekomoni yang lebih besar pengawalan kek yang diperbesarkan itu. -- BERNAMA

LES SHY AHM